

Mahathir: Jangan selalu meminta

UMAGAN 2 DATOH 1981

Okt. — Kerajaan tidak mahu rakyat selalu sangat meminta apa yang mereka kehendaki tanpa terlebih dahulu berusaha untuk memajukan diri masing-masing.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sikap meminta akan menjadikan seseorang itu lemah dalam menghadapi berbagai cabaran dalam zaman yang serba moden sekarang.

Perdana Menteri menegaskan, cara yang paling baik untuk menolong rakyat bukanlah dengan memberi apa yang mereka kehendaki, tetapi melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan.

Beliau berucap kepada 4,000 orang penduduk di sini yang menyambut ketibaannya di Balai Raya Sungai Simun. Perdana Menteri berada di sini kerana merasmikan mesyuarat

agung Persatuan Amar Maaruf (PAM).

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat akan hanya menjadi gagah jika mereka mempunyai ilmu, pengetahuan yang cukup untuk menerima cabaran-cabaran zaman sekarang supaya mereka dapat mengatasi masalah sendiri.

Namun begitu tegasnya, kerajaan akan terus

berusaha mengadakan segala kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan air dan elektrik untuk memenuhi keperluan rakyat.

Dalam hubungan ini beliau mengingatkan mereka yang telah menikmati hasil pembangunan negara supaya memikirkan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang yang belum menerimanya.

Perdana Menteri berharap mereka tidak akan terus meminta, tetapi sebaliknya memberi peluang kepada rakyat yang masih ketinggalan menikmati hasil-hasil pembangunan.

Katanya, adalah sukar bagi kerajaan untuk melayan permintaan demi permintaan.

Di samping itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan menggalakkan lebih ramai penduduk luar bandar melibatkan diri dalam industri kecil di luar bandar sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Beliau menambah, kerajaan juga akan terus melaksanakan berbagai projek pembangunan untuk membantu golongan petani dan nelayan.

Para nelayan dan petani pula katanya hendaklah sedia menukar cara-cara pertanian lama mereka kepada pertanian moden dan menggunakan benih-benih tanaman yang lebih berhasil.

"Kita mestilah berubah mengikut masa dan perubahan zaman, kalau tidak keadaan kita akan menjadi lebih buruk," ujar beliau.

Sementara itu semasa

merasmikan mesyuarat agung Persatuan Amar Maaruf Bagan Datoh pula, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan hanya membantu sekolah-sekolah agama yang telah menunjukkan usaha sendiri dalam menjalankan kegiatan mereka.

Menurutnya, terdapat banyak cadangan untuk membina sekolah-sekolah agama termasuk universiti dari berbagai pihak.

Beliau menarik perhatian, cadangan-cadangan seperti ini boleh menyulitkan kerajaan kerana terdapat mereka yang hanya tahu membuat cadangan tetapi akhirnya kerajaan yang terpaksa mengeluarkan belanja.

Tegasnya, kerajaan tidak dapat memberi bantuan kepada semua badan kebajikan yang wujud di negara ini.

Sebaliknya, Perdana Menteri mahukan badan-badan tersebut menjalankan usaha-usaha sendiri untuk menjayakan kegiatan-kegiatan mereka.

Semasa merasmikan mesyuarat agung PAM, beliau mengumumkan bantuan \$300,000 dari Kerajaan Pusat kepada badan itu untuk pembinaan sebuah institut tinggi pengajian Islam di Bagan Datoh.

"Janganlah pula selepas ini semua orang minta duit untuk buat sekolah agama," katanya sambil berseloroh.

Sambil memuji usaha PAM, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kerajaan akan hanya membantu jika sesuatu pihak itu berusaha sendiri dan tidak hanya tahu meminta.